

Aplikasi Teori *Istihalah* Dan *Istihlak* Terhadap Makanan Dan Barangan Gunaan Dalam Fatwa Di Malaysia

[Application Of The Theory Of Istihalah And Istihlak To Food And Consumable Goods In Malaysia's Fatwa]

Nor Musfirah Mohamad (Corresponding author)

Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed
Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, musfirah@kuips.edu.my

Basri Ibrahim

Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed
Sirajuddin (UniSIRAJ) Perlis, Malaysia, bashim67@kuips.edu.my

Fathullah Asni

Islamic Studies Division, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia, fathullah@usm.my

Article
Progress:

Submission date:
1 Dec 2024
Accepted date:
20 Dec 2024

ABSTRACT

Controversy has arisen among the Muslim community nowadays regarding food and consumer goods whose contents have been mixed up, causing *syubhah* (doubt) because of the change in its original nature (a product resulting from mixing *halal* and *haram* ingredients). The application of the theory of *istihalah* and *istihlak* in determining the legal status of *halal* food and goods is still being debated. This is because jurists have different views on its acceptance as a method of changing their legal status from *unclean* to *clean*. Thus, the objective of this study is to identify the fatwa decided by the Muzakarah Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia (MJFK) on the use of the theory of *istihalah* and *istihlak* as a method of purification in *halal* food and goods. This study is qualitative, and the data is obtained from the document analysis method by referring to authoritative *fiqh* books, journals, current fatwas and official websites as data sources. The collected data was analyzed using the content analysis method. The findings of the study show that there are differences in the views of jurists on the theory of *istihalah*, and the views are categorized into two approaches, namely the first, the group that narrows the scope of its use which consists of the *Shafi'iyah* scholars, second; the group that expands the scope of the use of *istihalah* which consists of *Hanafiyyah* scholars. But for the theory of *istihlak*, there is no significant difference among the scholars, showing that there is still room and opportunity to adjust between the two views. Applying the theory of *istihalah* and *istihlak* to the production of *halal* food products and consumer goods based on fatwa research in Malaysia is only in a narrow and limited context, as is the practice of the *Syafie* school of thought.

Keywords: Application, *Istihalah*, *Istihlak*, Fatwa, Malaysia

PENDAHULUAN

Syariat Islam telah menggariskan dasar dan prinsip umum mengenai halal haram dalam pemakanan, ubat-ubatan serta apa jua bahan-bahan kegunaan harian. Sementara dalam perkara yang tidak terdapat hukum yang jelas, maka para fuqaha akan melakukan ijtihad bagi menjelaskan isu tersebut. Hasil ijtihad fuqaha dalam penetapan status halal atau haram terhadap sesuatu produk adalah melalui kaedah *istihalah* dan *istihlak*. Teori *istihalah* dan *istihlak* bukanlah suatu istilah yang baharu.

Teori-teori ini telah dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu dalam kitab-kitab Fiqh, tetapi ia didapati dalam bab-bab Fiqh yang pelbagai seperti topik najis (*najis*) dalam bab bersuci (*taharah*) dan bab makanan dan minuman. Penggunaannya sebagai satu istilah teknikal dalam Fiqh dan mula digunakan oleh para ulama era kontemporari (Saadan Man, 2009). Kedua-dua teori ini merupakan cara penyucian makanan dan minuman daripada bahan asalnya adalah najis dan haram menjadi bahan halal dan suci. Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fiqh Sedunia pada Jun 1997 telah memutuskan bahawa sesungguhnya bahan-bahan tambahan yang dicampurkan kepada makanan yang asal bahan tersebut adalah najis dan haram, akan berubah menjadi bahan yang halal dan harus dari segi syarak melalui dua cara. Pertama; proses *istihalah* (proses perubahan bentuk dari segi zat, sifat). Kedua; proses *istihlak* (proses pemusnahan bentuk dari segi bau, warna dan rasa) (al-Ahkam.net, 2009).

Justeru, penulisan artikel ini adalah bertujuan mengenal pasti fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) terhadap pemakaian teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai kaedah penyucian dalam makanan dan barangan yang halal seterusnya menilai sejauh manakah mempengaruhi atau sebaliknya dalam penentuan hukum produk makanan dan barang guna dalam fatwa melibatkan kepenggunaan di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pengguna Islam berkaitan teori *istihalah* dan *istihlak* juga beberapa fatwa yang mengaplikasikan teori tersebut dalam penentuan hukum.

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur dalam artikel ini dibahagikan kepada dua tema seperti mana berikut:

a) Konsep *Istihalah* Dan *Istihlak* Menurut Perspektif Syarak

Para fuqaha secara umumnya mentakrifkan *istihalah* sebagai perubahan sesuatu bahan najis kepada bahan suci, atau sesuatu yang diharamkan berubah menjadi sesuatu yang diharuskan oleh Syarak. Contohnya perubahan zat dan sifat arak melalui pemeraman dan khinzir melalui

proses pembakaran (al-Ghananim, 2008; Zuhaily, 1997). Begitu juga perubahan yang berlaku apabila suatu najis jatuh ke dalam bahan yang bersih. Contohnya, babi jatuh ke dalam lautan garam sehingga berubah menjadi butiran garam, perubahan darah kijang bertukar menjadi kasturi, arak bertukar menjadi cuka, tahi binatang menjadi abu sebab pembakarannya (*Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, 2005; al-Zuhayli, 1986).

Nazih Hammad (2004) menyatakan teori *istihalah* (teori perubahan zat) bermaksud apabila bahan najis atau haram berubah zat serta sifatnya menjadi satu bahan lain, walaupun berbeza dengan bahan yang asal sama ada dari segi nama, kriteria dan sifat, ia menjadi sesuatu yang halal. Istilah saintifik yang sering diguna pakai iaitu teori perubahan zat adalah suatu proses yang sama dengan teori *istihalah* dalam perundangan Islam. Ia juga merujuk kepada tindak balas kimia yang merubah sesuatu bahan menjadi bahan lain iaitu seperti perubahan minyak dan lemak yang diperoleh daripada berbagai-bagai sumber menjadi sabun (al-Fayyumi, 1985).

Perselisihan dalam kalangan fuqaha hanya meliputi aspek pengaplikasian atau praktikal teori *istihalah*. Ulama mazhab Syafi'i tidak meluaskan pengaplikasian *istihalah* terhadap isu-isu baru. Manakala ulama mazhab Hanafi, mazhab Zahiri, Imam Malik, Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim, Ibn Hazm, al-Syawkani meluaskan skop dan pengaplikasian teori *istihalah* (Nazih Hammad, 2004: 27). Mazhab Hanafi berpendapat, *istihalah* adalah satu proses yang boleh mengubah benda najis kepada suci sama ada terjadi secara semula jadi, atau tidak semula jadi, contohnya melalui proses pembakaran dan percampuran dengan bahan-bahan lain. Mereka bersandarkan pendapat bahawa zat sesuatu benda itu telah berubah kepada bentuk dan sifat yang lain. Al-Kasani berpendapat *istihalah* adalah sesuatu yang najis bertukar sifat dan zatnya maka terkeluarlah dari keadaan najis. Ini kerana najis adalah nama bagi sesuatu yang disifatkan. Apabila sesuatu yang disifatkan itu telah tiada, maka sifatnya juga tiada seperti arak bertukar menjadi cuka (al-Kasani (t.t): 442; Ibn Taimiyyah, 1991:198). Manakala mazhab Maliki berpendirian sesuatu perubahan yang baik adalah dikategorikan sebagai bahan suci. Manakala perubahan kepada buruk dianggap sebagai najis. Ia boleh difahami melalui nukilan kitab *Hasyiyah al-Dasuqi 'ala syarh al-Kabir* yang menyatakan sesuatu bahan yang berubah kepada suatu yang baik adalah suci. Sebaliknya perubahan kepada bahan yang buruk dan kotor adalah najis. Contohnya, manusia walaupun daripada orang kafir adalah bersih kerana berlaku proses perubahan (*istihalah*) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (*istihalah*) kepada yang kotor (al-Dasuqi, 1980).

Mazhab Syafi'i pula berpendapat, *istihalah* suatu bahan yang najis tidak boleh berubah menjadi suci melainkan tiga keadaan. Pertama, arak yang bertukar menjadi cuka dengan secara semula jadi. Kedua, kulit binatang yang mati selain daripada anjing dan babi apabila disamak; ketiga, sesuatu bahan yang najis berubah menjadi kehidupan yang lain. Contohnya, bangkai berubah menjadi ulat kerana berlaku kehidupan baru secara semula jadi (Muhammad, 1994:80; al-Shirazi (t.t): 48). Mazhab Hanbali berpendirian hampir sama dengan mazhab Syafi'i iaitu teori *istihalah* ini hanya diterima dalam konteks arak menjadi cuka secara semula jadi. *Istihalah* yang terjadi sebab pembakaran atau percampuran adalah tidak suci (Ibn Qudamah, 1984). Ini bererti, abu dan asapnya adalah najis, tanah liat yang dipenuhi najis binatang yang haram dimakan adalah najis walaupun dibakar untuk dijadikan pasu, tembikar, pinggan mangkuk.

Istihlak berasal daripada *halaka* yang bermaksud hancur, binasa dan hilang. Konsep istihlak adalah sedikit zat yang diharamkan atau najis bercampur dengan zat yang halal dan baik sehingga hilang sifat-sifat najis sama ada dari segi bau, warna dan rasa. Asasnya, teori ini apabila bahan yang diharamkan hancur dalam bahan-bahan yang halal akhirnya hilang unsur bahan diharamkan (Nazih Hammad, 2004; Abdullah et. al, 2011). Teori *istihlak* juga telah diterima pakai oleh para ulama untuk menentukan hukum makanan walaupun ia dikenali dengan pelbagai istilah yang berbeza. Namun, yang menjadi perselisihan dalam kalangan mereka adalah sejauh manakah teori *istihlak* boleh diaplikasikan dalam bidang-bidang yang berbeza. Pelbagai pandangan diberikan oleh para fuqaha. Pandangan Fiqh berkaitan istihlak dapat dirumuskan kepada dua pandangan, iaitu:

Pandangan Pertama, Pandangan mazhab Hanafi dan lain-lain yang menyatakan Istihlak sebagaimana perbincangan konsep istihalah iaitu proses percampuran. Percampuran antara benda najis dan suci sehingga hilang sifat serta bentuk najis tersebut. Misalnya, babi yang jatuh ke dalam garam menyebabkan bangkai babi hancur dan hilang menjadi menjadikan garam suci.

Nazih Hammad (2004) turut membuat penjelasan berkaitan teori *istihlak* ini. Beliau berpendapat teori *istihlak* adalah sama dengan teori *istihalah* iaitu bahan-bahan yang haram atau najis yang larut di dalam cecair yang suci, maka cecair itu di hukumkan sebagai halal kerana tidak terdapat lagi sebarang kesan daripada bahan-bahan najis tadi sama ada dari segi warna, rasa dan bau. Hujah beliau ialah dari segi namanya (sebagai bahan najis) sudah hilang kerana tidak lagi wujud sifat-sifat zahirnya dan kriterianya. Maka, hilang atau berubah juga hukum pengharaman atau kenajisan kerana hukum syarak bergantung kepada kewujudan nama dan sifat-sifat pada sesuatu bahan itu.

Pandangan kedua; Mazhab Hanbali tidak menerima konsep percampuran sebagai satu proses penyucian. Dalam kes tanah yang bercampur dengan tahi binatang adalah najis walaupun dibakar, bijian yang meresap najis, sabun yang dihasilkan daripada minyak (lemak binatang yang diharamkan syarak dan binatang tidak disembelih). Kesemua kes tersebut kekal status hukum sebagai najis.

Mazhab Syafi'i berpandangan sekiranya berlaku percampuran antara bahan najis dan benda yang suci, tidak dapat dibersihkan seperti cuka, minyak dan lain-lain, status hukum adalah najis dan haram. Misalnya, bangkai tikus jatuh ke dalam minyak masakan, diperintahkan oleh Rasulullah SAW supaya membuang tikus tersebut bersama dengan minyak di sekitar bangkai tersebut. Minyak tersebut adalah najis tidak harus mengambil faedah daripadanya (al-Marbawi, 2008; al-Nawawi, 2000; Albani, 2000).

Dalam penulisan kitab *al-Majmu' al-Sharh al-Muhaddhab* berhubung teori *istihlak* dengan menyatakan sesuatu masakan (yang bercampur tanpa disengajakan sekalipun) dengan daging manusia, tidak diharamkan kerana ia telah terurai (hancur di dalam campuran masakan tersebut). Begitu juga dalam kes air kencing atau bahan najis-najis lain, apabila ia termasuk ke dalam bekas simpanan air yang kuantitinya lebih daripada dua kolah maka ia tetap boleh digunakan selagi mana ia tidak berubah sama ada dari segi bau, rasa, atau warna. Ini kerana air kencing tersebut telah terurai (kesannya hilang) dalam simpanan air yang lebih banyak. Ini adalah pendapat yang paling tepat (berhubung kaedah *istihlak*) (al-Nawawi (t.t):39).

Fatwa Ibn Taimiyyah dalam kitab *Ahkam al-Taharah* berkaitan prinsip *istihlak* antaranya apabila jatuh anjing, atau babi atau unta, atau lembu atau kambing dalam perigi, kemudian mati di dalamnya. (Ibn Taimiyyah, 1987:239-240). Menurut jumhur ulama seperti Imam Malik, al-Syafi'i, dan Imam Ahmad berpendapat ianya suci dan tidak najis apabila air sampai dua kolah sekira air perigi tersebut tidak berubah. Perigi yang terjatuh ke dalamnya sesuatu yang najis, sekiranya air tidak berubah dengan najis tersebut, maka ianya suci; jika masih terdapat baki najis, maka najis tersebut dibuang, natijahnya keseluruhan air perigi adalah suci (Ibn Taimiyyah, 1987: 241; Khazi Marhaban, 1426 h:87-88). Hukum kenajisan dan cara penyucian bahan pepejal apabila masuk najis ke dalamnya telah disepakati oleh fuqaha. Cara penyuciannya dengan membuang najis tersebut serta kesan sekelilingnya, hukum baki bahan pepejal tersebut adalah suci (al-Dabyan, 2005: 633; Ibn Taimiyyah, 1991:199-201)

b) Kajian Berteraskan Teori *Istihalah* Dan *Istihlak* Terhadap Fatwa

Zulfaqar Mamat (2019) menyatakan bahawa sering kali timbul berlaku keraguan dalam kalangan masyarakat khususnya umat Islam terhadap makanan dan bahan gunaan harian yang bercampur sesuatu yang halal dan tidak halal. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan kaedah *istihalah* dan *istihlak* yang digunakan dalam menghasilkan produk halal hanya terhad. Ini berikutan keutamaan seperti mana pengamalan dalam mazhab Syafi'i dalam penentuan hukum dan fatwa di Malaysia. Begitu jua dalam kajian beliau yang lain (Zulfaqar, 2021).

Tesis oleh Zarith Amirul (2019), yang bertajuk 'Hukum *Istihalah* Produk Makanan Yang Berunsurkan Najis Menurut Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafi'i. Kajian ini dilaksanakan di Palembang mendapati Mazhab Hanafi lebih merealisasikan teori *istihalah* dalam skop lebih luas dan umum dengan menyatakan teori ini satu proses boleh mengubah sesuatu benda najis kepada suci sama ada secara semula jadi ataupun tidak. Pandangan ini lebih relevan di aplikasikan dengan realiti semasa. Mazhab Syafi'i merealisasikan teori ini dalam konduksi tertentu, lebih sempit dan terhad.

Mohd Hapiz & Muhammad Rahimi (2018) menyatakan sama ada penerimaan atau penolakan terhadap kaedah *istihalah* memberi kesan terhadap hukum penggunaan produk yang mengandungi bahan diharamkan seperti gelatin, plasma darah dan alkohol yang terkandung dalam produk makanan, kosmetik, farmaseutikal dan lain-lain. Kajian ini mendapati penerimaan dan pendekatan MJFMKI terhadap instrumen ini sangat ketat dan terhad jika dibandingkan institusi Islam luar seperti *The Muslim World League*, *The Islamic Organization for Medical Sciences (IOMS)* dan *al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'* kerajaan Arab Saudi yang agak lebih terbuka bagi menyelesaikan keraguan timbul peringkat global.

Jafri, Suhaimi & Zaidah (2011) juga membincangkan berkaitan konsep *istihalah* dan *istihlak* sebagai kaedah penyucian dalam makanan dan barangan berdasarkan pandangan ulamak. Kajian mendapati terdapat perbezaan ketara bagi penerimaan *istihalah* dan *istihlak* dalam perkembangan Fiqh. Bagi konsep *istihalah*, satu golongan menerima dengan syarat ketat manakala satu lagi lebih berlembut dan bertimbang rasa. Seterusnya, konsep *istihlak* pula tidak terdapat begitu banyak dan ketara perbezaan serta terdapat ruang penyatuan pandangan antara keduanya.

Meskipun tulisan tentang konsep *istihalah* telah dilakukan pengkaji sebelum ini melalui kajian di atas dan seperti Sidek & Ahmad, (2017). Aplikasi *al-Istihalah* dalam Industri Halal

Semasa Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah, Kashim; (2017). *Istihalah* Dan Kesannya Kepada Makanan Menurut Perspektif Islam; Mamat, (2021). *Istihalah In Malaysian Fatwa: Istihalah Dalam Fatwa Di Malaysia*. Tetapi kajian berkaitan fatwa yang mengaplikasikan masih ada ruang perbahasan lebih komprehensif. Begitu jua, teori *istihlak* masih kurang di tonjolkan dalam konsep mahupun fatwa. Justeru, kajian ini memberi ruang kepada pengkaji untuk mengenal pasti fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) terhadap pemakaian teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai kaedah penyucian dalam makanan dan barangan yang halal seterusnya menilai sejauh manakah mempengaruhi atau sebaliknya dalam penentuan hukum produk makanan dan barang guna dalam fatwa melibatkan kepenggunaan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu pengumpulan data dilakukan melalui kaedah analisis dokumen. Dalam menjelaskan teori *istihalah* dan *istihlak* melalui penerokaan terhadap pelbagai sumber merujuk kepada kitab-kitab Fiqh yang muktabar, beberapa jurnal dan rujukan internet yang boleh dipercayai sebagai sumber data dan lain-lain. Selain itu, pengumpulan data juga turut diperoleh dengan mengenalpasti fatwa dan ketetapan hukum yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFMKI) terhadap beberapa produk berasaskan *istihalah* dan *istihlak*. Kemudian, data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif kajian yang telah digariskan.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian yang telah dilaksanakan terhadap beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMKI) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menunjukkan terdapat beberapa produk berasaskan *istihalah* dan *istihlak* yang telah diputuskan, kebanyakannya berkaitan dengan bab perubatan, makanan dan minuman serta sedikit dalam bab sosial dan syariah. Antara beberapa keputusan hukum berkaitan Produk yang mengaplikasikan teori *istihalah* dan *istihlak* di Malaysia adalah seperti jadual 1.1, 1.2 dan 1.3 berikut:

Jadual 1.1: Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan *Istihalah* dan *Istihlak* kategori perubatan

Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK berkaitan Produk Berasaskan <i>Istihalah</i> dan <i>Istihlak</i> Kategori Perubatan		
Fatwa/tahun	Keputusan Hukum	Sumber mazhab
Hukum Penggunaan Vaksin COVID-19 3 Disember 2020	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI telah memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i
Hukum Penggunaan Vaksin Menactra 10 - 11 Februari 2015	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin <i>Menactra</i> adalah diharuskan. -Pada prinsipnya ulama bersepakat bahawa makanan termasuk ubat-ubatan yang dibenarkan oleh Islam untuk digunakan mestilah terdiri daripada bahan-bahan yang baik (<i>toyyib</i>) dan halal, serta tidak mempunyai unsur-unsur yang mendatangkan mudarat kepada kesihatan badan dan akal manusia. -Proses penghasilan Vaksin <i>Menactra</i> ini, tiada sebarang komponen bahan mentah yang mengandungi sumber haiwan atau bahan-bahan yang diragui dari aspek syarak digunakan serta tiada perkongsian saluran pemprosesan dengan produk vaksin yang tidak halal.	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i
Hukum Penggunaan Ubat Clexane Dan Fraxiparine 23-25 Jun 2009	Muzakarah memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua jenis ubat ini yang dianggap darurat kepada para pesakit bagi mencegah formulasi pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit berada pada tahap kronik, adalah ditegah kerana ia dihasilkan dari sumber yang diharamkan oleh Islam, memandangkan pada masa ini telah terdapat alternatif ubat iaitu <i>Arixtra</i> yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan Clexane dan <i>Fraxiparine</i> Islam menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram bagi mengubati sesuatu penyakit, kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui dan bagi menghindari kemudaratan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui.	<i>Istihalah</i> Mazhab syafie
Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya 31 Mac 2008	Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vaksin <i>biothrax</i> dan <i>rotateq</i> adalah tidak dibenarkan kerana: 1. Situasi kini dianggap tidak darurat; 2. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin; 3. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i

Hukum Suntikan Botulinum Toxin Type A (BTA) 4-6 April 2006	Muzakarah telah memutuskan bahawa suntikan Botulinum <i>ToxinType A</i> atau nama komersialnya <i>botox</i> adalah haram digunakan berdasarkan kepada penemuan-penemuan seperti: -laporan kajian dari dalam dan luar negara serta hujah-hujah yang jelas dalam pengeluaran fatwa oleh beberapa negara Islam lain, Botulinum Toxin Type A atau nama komersialnya <i>botox</i> didapati mengandungi bahan-bahan yang meragukan, najis dan diharamkan, antara bahan-bahannya ialah khinzir. -Didapati boleh memberi mudarat kepada pengguna bagi jangka pendek, jangka panjang dan boleh dimanipulasikan untuk tujuan penipuan. Walau bagaimanapun untuk tujuan perubatan, suntikan Botulinum Toxin Type A ini adalah dibenarkan dengan syarat penggunaannya dalam keadaan darurat dan mengikut keperluan serta dilakukan oleh pakar yang bertauliah.	Mazhab syafie
Gelatin Dalam Ubat 24-25 September 1984	Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana darurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.	<i>Istihalah</i> Mazhab Hanafi
Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi 10 Oktober 1983	Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menyuntikkan insulin daripada najis <i>mughallazah</i> (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.	<i>Istihalah</i> Mazhab Hanafi

Sumber: Olahan pengkaji daripada JAKIM, Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah, 2024

Jadual 1.2: Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan *Istihalah* dan *Istihlak* kategori makanan dan minuman

Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan <i>Istihalah</i> dan <i>Istihlak</i> Kategori: Makanan dan minuman		
Fatwa/tahun	Keputusan Hukum	Sumber mazhab
Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya 10 - 11 Februari 2015	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa minyak ikan yang diproses secara komersial dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut atau najisnya adalah suci dan halal dimakan.	Mazhab Hanafi Pendangan lemah Mazhab Syafi'i
Hukum Bahan Pewarna Cochineal: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI 4 hingga 6 Julai 2012	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan pewarna cochineal dalam makanan, minuman dan barang gunaan adalah diharuskan dan kadar penggunaan yang dibenarkan adalah mengikut ketetapan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selagi mana ia tidak mendatangkan kemudaratannya -cochineal adalah jenis serangga (kumbang betina) yang tidak membahayakan dan zat	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i

	pewarna yang dihasilkan daripada cochineal boleh dimanfaatkan oleh manusia. Dari segi perundangan negara, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah menetapkan bahawa pewarna carmine yang diperoleh dan dihasilkan daripada cochineal adalah dibenarkan berdasarkan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP). - Jumhur Fuqaha' sepakat menetapkan bahawa bangkai serangga yang darahnya tidak mengalir adalah suci, dan pewarna cochineal adalah diperoleh daripada serangga cochineal yang telah mati di mana darahnya tidak mengalir.	
Hukum Memakan Makanan Terubah suai Genetik (Genetic Modified Food) 16-18 Jun 2011	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam penghasilan makanan terubah suai genetik (<i>genetic modified food</i>), penggunaan bahan-bahan yang diharamkan dan memudaratkan manusia serta alam sekitar adalah dilarang. Manakala penggunaan haiwan ternakan yang halal dibolehkan sekiranya haiwan tersebut disembelih mengikut kaedah syarak. -makanan terubah suai secara genetik melibatkan pemindahan gen-gen yang halal dan juga tidak halal, dari haiwan dan juga tanaman bagi memberikan ciri-ciri yang dikehendaki sebagai makanan atau ubat-ubatan. - Islam menghendaki umatnya supaya memilih makanan yang baik (<i>tayyib</i>) iaitu halal, suci dan tidak memberi mudarat kepada jiwa dan akal manusia dan proses penghasilannya juga tidak memberi mudarat kepada manusia dan alam sekitar.	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i
Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain) 4-6 April 2006	Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggunakan Cuka Wain (Wine Vinegar) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walau bagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia adalah halal.	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i

Sumber: Olahan pengkaji daripada JAKIM, Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah, 2024

Jadual 1.3: Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan *Istihalah* dan *Istihlak* kategori syariah dan sosial.

Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan <i>Istihalah</i> dan <i>Istihlak</i> Kategori: Syariah dan sosial		
Fatwa/tahun	Keputusan Hukum	Sumber mazhab
Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China) 4-6 Mei 2012	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (bone china) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.	<i>Istihalah</i> Mazhab Syafi'i

	Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (bone china) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan. - berdasarkan mazhab Shafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk bone china dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses <i>istihalah</i> dianggap tidak berlaku. -sekiranya penggunaan produk bone china yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa. -peralatan atau perhiasan bone china tidak mencapai tahap keperluan (darurah) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya.	
Penggunaan Air Baru (Newater) 27 November 2002	Muzakarah telah memutuskan bahawa air baru <i>newater</i> adalah bersih dan harus digunakan dari sudut hukum syarak.	<i>Istihlak</i> Mazhab Syafi'i

Sumber: Olahan pengkaji daripada JAKIM, Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah, 2024

Para ulama secara dasarnya telah bersepakat untuk menerima teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai satu proses atau alat penyucian bahan bernajis. Namun, aspek pemakaian proses teori ini berlaku perbezaan iaitu terdapat ulama yang memperluaskan, manakala sebahagian yang lain menyempitkan skop pemakaiannya kepada kes-kes dan syarat tertentu sahaja. Perbezaan pandangan ini boleh disimpulkan seperti berikut:

- i. Mazhab Hanafi, Maliki dan Ibn Hazm berpendapat *istihalah* merupakan salah satu proses yang membolehkan sesuatu bahan yang najis menjadi suci sama ada terjadi secara semula jadi ataupun melalui perantaraan iaitu percampuran dengan bahan lain atau aktiviti lain seperti pembakaran. Hujah mereka adalah bahawa zat asal sesuatu benda itu telah berubah kepada bentuk atau sifat lain (Nazih Hammad, 2004; al-Kasani (t.t); Ibn Taimiyyah, 1991).
- ii. Mazhab Syafi'i dan Hanbali berpendapat perubahan daripada sesuatu yang haram kepada suci atau halal hanya berlaku dalam tiga perkara sahaja iaitu arak yang bertukar menjadi cuka secara semula jadi, kulit bangkai binatang selain anjing dan babi menjadi suci apabila disamak dan; sesuatu yang berubah menjadi binatang hidup seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana terjadi suatu kehidupan baru. Benda yang najis tidak menjadi suci dengan berubah sifat benda tersebut (Muhammad, 1994:80; al-Shirazi (t.t): 48; Ibn Qudamah, 1984).

Ulama bersepakat mengenai perubahan secara semula jadi darah yang haram dimakan kepada susu dan daging yang suci dan halal di makan adalah proses *istihalah* yang diterima. Begitu juga halnya dengan perubahan perahan anggur kepada arak dan arak menjadi cuka, air najis yang disiram sebagai baja kepada pokok yang kemudiannya menghasilkan buah, najis yang berubah menjadi tanah, haiwan *jallalah* yang di kuarantin dalam tempoh tertentu sehingga keadaannya menjadi seperti sedia kala. Semuanya ini merupakan proses *istihalah* yang diterima oleh majoriti fuqaha. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang lain berlaku perselisihan pandangan yang agak ketara di kalangan ulama dalam isu *istihalah*, di mana ada ia hanya menjadi pegangan dalam mazhab-mazhab tertentu sahaja (Saadan Man, 2009).

Pengkaji bersetuju kedua-dua teori ini merupakan cara penyucian yang dianjurkan Islam dalam kes bahan tambahan yang dicampur kepada makanan yang asal bahan tersebut adalah najis dan haram. Namun, penulis menyokong pandangan al-Nawawi dalam kitab *al-Majmu' al-Sharh al-Muhadhdhab* yang menyatakan bahawa teori *istihalah* dan *istihlak* tidak sama dan ada sedikit perbezaan. Ini kerana teori *istihlak* adalah proses pelarutan atau pemusnahan dari segi bau, warna dan rasa. Manakala, teori *istihalah* pula adalah proses perubahan (transformasi) bahan najis dari segi zat dan sifat menjadi satu bahan lain yang suci seperti arak berubah menjadi cuka.

Penelitian terhadap beberapa keputusan hukum berkait rapat pemakaian teori *istihalah* dan *istihlak* yang dikeluarkan jawatankuasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI menunjukkan bahawa pendapat mazhab Syafie sememangnya lebih diutamakan dalam membuat keputusan terhadap isu hukum yang membabitkan kaedah *istihalah* dan *istihlak*. Pengkaji mendapati aplikasi kedua-dua teori ini dalam penghasilan produk halal di Malaysia dalam konteks yang terhad. Sehubungan itu, keutamaan kepada mazhab Syafie kerana menjadi mazhab pegangan rasmi negara dalam mentafsirkan dan penentuan status hukum terus dikekalkan.

Selain itu, mazhab Syafi'i mengambil pendekatan *ihthiyat* (berhati-hati) sangat dititikberatkan untuk menjaga sudut kehalalan serta mengelakkan diri daripada termakan bahan najis dan haram tanpa disedari. Di samping itu, untuk menetapkan status hukum sesuatu produk makanan dan barangan gunaannya bukanlah semudah yang disangka, beberapa elemen perlu diteliti dan diambil kira bagi menentukan kehalalannya iaitu dengan membuat kajian yang terperinci termasuk kajian makmal atau saintifik. Walau bagaimanapun dalam beberapa keputusan pandangan mazhab lain yang mengharuskan *istihalah* dan *istihlak* telah dirujuk menjadikan alasan darurat telah digunakan untuk mengharuskan penggunaannya pada masa itu seperti dalam

isu penyuntikan *highly purified* insulin daripada babi dan penggunaan gelatin dalam ubat. Sementara dalam isu hukum minyak ikan yang diproses tanpa dibuang perut atau najisnya, pandangan yang lemah dalam mazhab Syafi'i dan keadaan *masyaqqah* telah diambil kira dalam menetapkan keharusan penggunaannya.

Hal ini agak berbeza dengan beberapa fatwa antarabangsa dan ijihad semasa, kebanyakan fatwa-fatwa ulama Timur Tengah didapati menggunakan pendapat mazhab Maliki dan Hanafi dengan memperluaskan penggunaan *istihalah*. Perkara ini boleh dilihat melalui keputusan Nadwah Pengurusan Islam ke-8 dalam Ilmu Perubatan yang diadakan di Kuwait pada 22-24 Mei 1995. Resolusi yang dicapai antara lain merumuskan:

1. Gelatin yang terbentuk daripada proses *istihalah* daripada tulang binatang najis, kulit dan uratnya adalah bersih dan halal dimakan.
2. Sabun yang dihasilkan melalui proses *istihalah* daripada lemak khinzir ataupun bangkai binatang adalah bersih dan harus digunakan.
3. Keju yang dihasilkan daripada rennet yang didapati daripada bangkai haiwan yang halal dimakan adalah bersih dan harus digunakan.
4. Alat-alat solek yang mengandungi lemak khinzir tidak boleh digunakan, kecuali jika telah pasti berlaku proses *istihalah* dan telah berlaku pertukaran bentuk (*ain*) atau zatnya. Bahan makanan yang mengandungi lemak khinzir sebagai kandungannya dengan tidak berubah zatnya seperti yang terdapat pada sesetengah keju, minyak, mentega, dadih, biskut, coklat dan aiskrim adalah haram dimakan.

Perbezaan keputusan antara muzakarah JKFMK dengan resolusi nadwah Pengurusan Islam memperlihatkan pendirian ijihad yang lebih terbuka oleh agensi-agensi terbabit bagi menyelesaikan kemelut kepenggunaan di peringkat global. JKFMK mengambil pendirian ketat berasaskan *ihdiyyat* dengan mengambil kira kemaslahatan pengguna Islam tempatan serta kelihatan agak berhati-hati dalam menerima legitimasi konsep *istihalah* produk kepenggunaan yang berasal daripada unsur haram. Hal ini turut disokong oleh kajian Mohd Hapiz & Muhammad Rahimi (2018) dan Zulfaqar (2021). Walau bagaimanapun, penulis mencadangkan muzakarah JKFMK perlu meneliti dan meluaskan sedikit skop pemakaian teori *istihalah* dan *istihlak* dalam penentuan status hukum fatwa. Ini kerana memenuhi keperluan mendesak dalam kalangan pengguna Islam dalam keadaan *darurah* atau *masyaqqah*. Rumusan perbezaan keputusan antara muzakarah JKFMK dengan resolusi nadwah Pengurusan Islam (Badan Antarabangsa) terhadap aplikasi teori *istihalah* dan *istihlak* terhadap barang guna dan makanan berdasarkan jadual 1.4 di bawah:

Jadual 1.4: Rumusan perbezaan keputusan antara muzakarah JKFMK dengan resolusi nadwah Pengurusan Islam (Badan Antarabangsa) terhadap aplikasi teori *istihalah* dan *istihlak* terhadap barang guna dan makanan

Keputusan Muzakarah JKFMK	Resolusi Nadwah Pengurusan Islam (Badan Antarabangsa)
Pemakaian teori <i>istihalah</i> dan <i>istihlak</i> yang dikeluarkan jawatankuasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI menunjukkan bahawa pendapat mazhab Syafi'i lebih diutamakan dan dominan	Kebanyakan fatwa-fatwa ulama Timur Tengah didapati menggunakan pendapat mazhab Maliki dan Hanafi dengan memperluaskan penggunaan <i>istihalah</i> .
Namun, terdapat beberapa keputusan pandangan mazhab lain yang mengharuskan <i>istihalah</i> dan <i>istihlak</i> telah dirujuk menjadikan alasan darurat telah digunakan untuk mengharuskan penggunaannya pada masa itu seperti dalam isu penyuntikan <i>highly purified</i> insulin daripada babi dan penggunaan gelatin dalam ubat.	Perluasan aplikasi teori <i>istihalah</i> dalam ijtihad semasa. Contohnya, Sabun yang dihasilkan melalui proses <i>istihalah</i> daripada lemak khinzir ataupun bangkai binatang adalah bersih dan harus digunakan.
JKFMK mengambil pendirian ketat berasaskan <i>ihdiyyat</i> dengan mengambil kira kemaslahatan pengguna Islam tempatan serta kelihatan agak berhati-hati dalam menerima legitimasi konsep <i>istihalah</i> produk kepenggunaan yang berasal daripada unsur haram.	Memperlihatkan pendirian ijtihad yang lebih terbuka oleh agensi-agensi terbabit bagi menyelesaikan kemelut kepenggunaan di peringkat global.

Sumber: Olahan Pengkaji, 2024

KESIMPULAN

Beberapa kesimpulan dapat digariskan dalam penulisan ini, antaranya ialah:

- i. Perbincangan teori *istihalah* dan *istihlak* dalam penghasilan produk makanan dan barang guna, perubatan merupakan perkara yang menjadi perselisihan di kalangan fuqaha. Ada yang meluaskan skop penggunaannya (Mazhab Hanafi, Maliki dan Ibn Hazm) dan ada yang menyempitkannya (Mazhab Syafi'i dan Hanbali) kepada beberapa perkara sahaja. Selama mana ijtihad yang dilakukan dalam menilai kaedah ini tidak melanggar batasan syariat, mengambil kira kesesuaian dengan *'urf* dan suasana setempat, maka ia adalah dibenarkan.
- ii. Melalui penelitian beberapa keputusan fatwa muzakarah JKFMK yang membabitkan isu *istihalah* dan *istihlak* menunjukkan amalan semasa mengutamakan atau lebih mendorong kepada pendapat mazhab Syafi'i dalam membuat keputusan terhadap isu berkaitan. Ini kerana Malaysia mempunyai pendirian tersendiri terhadap teori *istihalah* dan *istihlak* iaitu mendukung pandangan yang lebih ketat berasaskan *ihdiyyat* dengan mengambil kira kemaslahatan pengguna Islam tempatan serta kelihatan agak berhati-hati dalam

- menerima teori *istihalah* dan *istihlak* dalam produk kepenggunaan yang berasal daripada unsur haram.
- iii. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah isu pendapat mazhab lain juga diterima sekiranya bersesuaian dengan *maqasid syari'ah* dalam membawa kebaikan dan menolak kemudaratan serta mengambil kira keadaan *darurah*.
 - iv. Rumusan artikel ini berkaitan beberapa Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia terhadap Produk Berasaskan *Istihalah* dan *Istihlak* terdiri daripada tiga kategori seperti mana ditunjukkan di dalam rajah 1.1 berikut:

Rajah 1.1: Keputusan Fatwa Muzakarah JKFMK di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan Istihalah dan Istihlak kategori perubatan, Makanan dan Minuman serta syariah dan sosial.



Sumber: Olahan Pengkaji, 2024

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak MAIPs atas tajaan dana Biasiswa Pengajian Tinggi MAIPs (BPTM). Begitu jua pihak Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) yang menyokong kerja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah, J., Suhaimi, R., & Noer, Z. M. (2011). Konsep Istihalah dan Istihlak pada Makanan dan Barang Gunaan. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24, 71-92.
- Ab Rahman, Z. M. (2019). Pemakaian Kaedah Istihlak dan Istihalah dalam Penentuan Produk Halal di Malaysia Berdasarkan Bidang kuasa Perundangan dan Keputusan Hukum

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Abdul Jalil. Z. A. (2019). *Hukum Istihalah Produk Makanan Yang Berunsurkan Najis Menurut Mazhab Hanafi Dan Mazhab Syafi'i* (Doctoral dissertation, UIN Raden Fatah Palembang).
- Ab. Majid, M. Z., Wan Mohamed Radzi, C.W.J & Jamaludin, M.A. (2008,1-2 April). Aplikasi Teori Istihalah sebagai Instrumen Purifikasi Alternatif terhadap Penghasilan Produk Makanan di Malaysia, (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Agro, Sains dan Teknologi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 320-322.
- Al-Ahkam. net. (2009). *Bahan Asalnya Adalah Najis Dan Haram Menjadi Bahan Halal Dan Suci*. Diambil daripada <http://www.al-ahkam.net/forum09/viewtopic.php>
- Al-Albani, M.N. (2000), Sahih Sunan al-Tirmidhi, Maktabah al Ma'arif li al-Nasyr wa al Tauzi', Riyadh Jld 2.
- Al-Dabyan. (2005). *Mawsu'ah Ahkam al-Taharah al-Najasah*, j. 13. Riyadh: Maktabah al-Rushd, h. 633.
- Al-Fayyumi. A.M. (1985). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarah al-Kubir*, jil 1. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah, h. 190.
- Al-Ghananim. (2008). *Al-Istihalah wa Ahkamuha Fi Fiqh Al-Islami*, Jordan: Dar Al- Nafa'is.
- Al-Kasani. (t.t). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i'*. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah, h.442.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. (2005). juz.3. Kuwait: Wizaratu al-Awqaf wa al-Na'syiun al-Islamiyyah, h. 213-214.
- Al-Nawawi. (t.t). *Al-Majmu' al Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al- Fikr, h. 39.
- Al-Shirazi (t.t). *Al- Muhadhdhab*. (t.t.p): Dar al-Fikr, h. 48.
- Al-Zuhayli.W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 100.
- Ibn Qudamah (1984). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 89.
- Ibn Taimiyyah. (1991). *Mawsu'ah Fiqh al-Sunnah Fiqh al- Taharah*. Beirut: Dar Fikr al-' Arabi, h. 199-201.
- Ibn Taymiyyah. (1987). *Ahkam al-Taharah*. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah, h. 31.
- Ibnu Taymiyyah. (1998). *Majmu' al-Fatawa Ibn Taimiyyah*, Mansurah: Dar al-Wafa', h. 284.
- Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam). (2020). *Pengambilan vaksin covid-19 dan pemasalahannya*. Diambil daripada https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19/islam-dan-vaksinasi/hukum-vaksin-covid-19/AL-BAYAN_SIRI-7.pdf
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2015). *Hukum Penggunaan Vaksin Menactra*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10325>

- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2014). *Hukum Penggunaan Cordyceps Sinensis Dalam Pembuatan Ubat Tradisional*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10323>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2014). *Hukum Penggunaan Ubat Clexane Dan Fraxiparine*. Diambil daripada <http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/fatwa/fatwa/find/pr/15254>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (1983). *Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi*. Diambil daripada <http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/fatwa/fatwa/find/pr/15231>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2012). *Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (Genetic Modified Food)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10278>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2012). *Hukum Bahan Pewarna Cochineal*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10301>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2015). *Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10326>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2006). *Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15281>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2012). *Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10297>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2002). *Penggunaan Air Baru (Newater)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15280>
- JAKIM. (2016). *Kompilasi pandangan hukum muzakarah jawatankuasa fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ugama Islam Malaysia*. Diambil daripada https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI_MUZAKARAH_MKI_2016.pdf
- Kashim, M. I. A. B. M. (2017). Istihalah Dan Kesannya Kepada Makanan Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI*, 12(2), 102-111.
- Khazi Marhaban, I. (1426 h). *Masail Imam Ahmad bin Hanbal al-Fiqhiyyah riwayat Mahna bin Yahya al-Syami*, juz 1. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-`Ulum wa al- Hikam, h. 87&88

- Mamat, Z. (2021). Istihalah In Malaysian Fatwa: Istihalah Dalam Fatwa Di Malaysia. *Journal of Fiqhiyyat*, 1(1), 30-38.
- Man, S. (2009, 8 Ogos). Pendekatan Istihalah Dalam Produk Yang Berunsurkan Babi dlm. In *Seminar Fenomena Najis Mughallazah Dalam Dunia Kontemporari. Auditorium SIRIM. Shah Alam. Selangor*. h. 5.
- Mahaiyadin, M. H., & Osman, M. R. (2018). Kesan Penerimaan Aplikasi Istihalah Terhadap Hukum Produk yang Mengandungi Derivatif Muharramat: The Effect of Istihalah Application in the Products Contain Unlawful (Muharramat) Derivatives. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 101-119. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.32>
- Mustofa A.K, Mustofa, A.B & Ali, S. (2005). Kitab Fikah Mazhab Syafi`i, Jilid 3, Pustaka Salam, Kuala Lumpur.
- Muhammad Idris al Marbawi (2008), Bahru al Mazi, Mukhtasar Sahih al Tirmidhi, Kuala Lumpur, al Hidayah, Jilid 13.
- Nazih Hammad. (2004). Al-Mawad al-Muharramah wa al-Najisah fi al-Ghiza' wa al-Dawa' bayna al- Nazariyyah wa al-Tatbiq, (terj.) Basri Ibarahim, *Penggunaan Bahan-bahan Yang Haram Dan Najis Dalam Makanan Dan Ubat-ubatan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher, h. 37-48.
- Sa'id AbuHabib. (1999). *Mawsu'ah al-Ijma' Fi al-Fiqh al-Islami*, j. 2, c. 3. Damsyik: Dar al-Fikr. h. 450, 447-448.
- Sidek, T., & Ahmad, R. (2017). Aplikasi *al-Istihalah* dalam Industri Halal Semasa Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1).
- Zuhaily, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c. 4, Juz. 7, Damshiq: Dar Al-Fikr, h. 5265.